

NO. SOALAN:40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menzahirkan satu Majlis Ulama Negara yang dianggotai daripada seluas-luas lapangan ulama tempatan dan luar negara yang ditugaskan memberi nasihat tertentu sejajar dengan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa **Islam** adalah agama bagi Persekutuan. Ia mempunyai maksud lebih luas

berbanding dengan ungkapan "agama rasmi Persekutuan" yang tertumpu kepada upacara dan ritual sahaja.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, perkara-perkara berkaitan hal ehwal Agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan negeri masing-masing. Sehubungan itu, setiap negeri mempunyai Jawatankuasa Fatwa Negeri yang diketuai oleh Mufti Negeri dan dianggotai oleh para alim ulama' yang mahir dalam bidang agama dan profesional berperanan memberi nasihat berkaitan dengan hal ehwal Islam kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Di peringkat Pusat pula, Kerajaan sudah mempunyai Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang diwujudkan oleh Majlis Raja-Raja (MRR) yang berperanan sebagai penasihat dalam hal ehwal Islam di Malaysia. Isu-isu berkaitan hukum hakam dan hal ehwal Agama Islam dalam negara, termasuk dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan yang memerlukan pandangan hukum syarak akan dirujuk kepada Jawatankuasa berkenaan. Jawatankuasa ini yang terdiri di kalangan mufti-mufti setiap negeri, alim ulama, profesional dan pakar-pakar dalam pelbagai bidang diyakini mampu memberikan nasihat yang terbaik kepada Kerajaan dalam perkara yang berkaitan dengan hukum syarak.

Selain itu, Kerajaan dari semasa ke semasa juga turut menyediakan platform percambahan ilmu dan pendapat di kalangan para ulama seluruh Malaysia melalui pelbagai program berkala. Antaranya Program

Majlis Ulama' - Umara' Bersama YAB Perdana Menteri adalah merupakan program tahunan Kerajaan yang menjadi platform utama menghimpunkan para umara' dan alim ulama serta cendikiawan dalam pelbagai bidang dan kepakaran dari seluruh Malaysia. Melalui program ini, perkongsian idea dan percambahan pendapat antara ulama' dan umara' dapat dihimpun dan disatukan sebagai pemangkin pembangunan pentadbiran negara berasaskan maqasid syariah.

Justeru, Kerajaan berpandangan semua mekanisme yang telah sedia ada ini telah memadai berperanan menasihati Kerajaan dalam hal ehwal Islam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.